

proses penyediaan RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR TOK BALI

[Subseksyen 16B(1),(2) dan (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)]

- 01 **RANCANGAN FIZIKAL NEGARA, RANCANGAN STRUKTUR NEGERI DAN RANCANGAN TEMPATAN**
Pernyataan dasar dan cadangan pemajuan serta penggunaan tanah
- 02 **PUBLISITI AWAL RANCANGAN KAWASAN KHAS**
Mendapatkan maklumbalas orang ramai mengenai objektif, isu dan perkara-perkara yang akan dicadangkan dalam Rancangan Kawasan Khas
- 03 **PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS**
Merupakan suatu pelan cadangan yang terperinci dan mengandungi cadangan-cadangan findakan khusus untuk satu kawasan yang telah dikenalpasti Pihak Berkuasa Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan.
- 04 **PUBLISITI DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS**
Pemeriksaan awam tidak kurang daripada 4 minggu dan boleh dilanjutkan selama tidak lebih dari 4 minggu. [Subseksyen 12(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)]
- 05 **PENYIASATAN DAN PERBINCANGAN**
Suatu penyiasatan tempatan atau pembicaraan awam boleh diadakan di hadapan Jawatankuasa terdiri daripada 3 orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri [Subseksyen 14(1), Akta 1720]
- 06 **KELULUSAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS**
Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah membuat ketetapan untuk kelulusan Draf RKK yang disampaikan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan [Subseksyen 15(1), Akta 172] iaitu sama ada sebagaimana disediakan atau diubahsuai setelah menimbangkan rayuan dan bantahan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan
Jawatankuasa Perancang Negeri meluluskan keseluruhan atau sebahagian daripada Draf RKK dan dengan atau tanpa ubahsuaian atau syarat-syarat atau menolah Draf RKK [Subseksyen 15(1), (1A) dan (1B) Akta 172]
- 07 **PEMBERITAHUAN KEPADA PIHAK BERKUASA NEGERI**
Jawatankuasa Perancang Negeri mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan persetujuan dan kuasa Draf RKK (Seksyen 15, Akta 1723)
- 08 **MEWARTAKAN RANCANGAN KAWASAN KHAS**
Pihak Berkuasa Perancang Negeri mewartakan fakta persetujuan Rancangan Kawasan Khas oleh Pihak Berkuasa Negeri.
Disiarkan dalam warta negeri dan dalam sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan (Subseksyen 15(4), Akta 172)

APA PERANAN ANDA ?

Anda diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perancangan kawasan anda !!!!!. Kemukakanlah maklumbalas anda untuk membantu kami merancang pembangunan untuk generasi masa depan.



DATANGLAH UNTUK MEMERIKSA DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR TOK BALI SEPANJANG PROGRAM PUBLISITI DIADAKAN

Tarikh : 24 Jun 2012 – 31 Julai 2012
Masa : Waktu Bekerja (tidak termasuk cuti am)

Bertempat :

1. Pejabat Majlis Daerah Pasir Puteh
2. Pejabat Majlis Daerah Bachok
3. Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan, Kota Darulnaim

MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM

Anda boleh mengemukakan cadangan atau bantahan secara lisan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam. Untuk menghadiri mesyuarat tersebut anda dikehendaki mengisi Borang Maklumbalas Awam yang disediakan.

MENGISI BORANG MAKLUMBALAS

Mengisi cadangan dan bantahan anda di dalam Borang Maklumbalas Awam yang disediakan dan serahkan kepada pegawai pameran yang bertugas atau hantar borang tersebut ke tempat-tempat tersebut di atas selewat-lewatnya pada **31 Julai 2012.**



قوبليسي تي دان فبر تان عوام PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM

رئجاشن كاواسن خكنم بندر توك بالي
Draf RANCANGAN KAWASAN KHAS
BANDAR TOK BALI 2045
PORTOKBALI BANDAR PELABUHAN MARITIM



Dengan Kerjasama :

JABATAN PERANCANGAN BANDAR & DESA
NEGERI KELANTAN

&

UNIT RANCANGAN PEMBANGUNAN KOTA BHARU,
JABATAN PERANCANGAN BANDAR & DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA

draf rancangan kawasan khas Bandar Tok Bali

KELANTAN

APA ITU RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR TOK BALI ?

Rancangan Kawasan Khas Bandar Tok Bali disediakan untuk menghasilkan satu Pelan Tindakan Pembangunan yang disediakan sama ada dalam bentuk pelan susunatur atau pelan pengurusan yang disokong oleh spesifikasi pembangunan terperinci dan jadual tindakan pembangunan.

Ianya adalah rancangan pemajuan yang disediakan mengikut peruntukan undang-undang Malaysia di bawah Subseksyen 16B(1), (2) dan (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172) DAN Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas Negeri Kelantan 2010.

LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kawasan RKK Bandar Tok Bali adalah terletak kira-kira 40 km dari bandar Kota Bharu dan 12 km ke timur laut Bandar Pasir Puteh dengan keluasan 16,810.62 hektar .

Ia juga merangkumi beberapa buah mukim iaitu Mukim Telong di Jajahan Bachok, Mukim Semerak, Mukim Gong Kulim, Mukim Cherang Ruku, Mukim Gong Pachat dan Mukim Tasik di Jajahan Pasir Puteh.

Gunatanah utama kawasan kajian adalah pertanian, padi dan perumahan kampung. Manakala gunatanah sekitar meliputi aktiviti yang melibatkan perikanan, perkapalan dan pelancongan.

WAWASAN PEMBANGUNAN

"Membangunkan dan menjadikan Tok Bali sebagai sebuah Bandar Maritim dan Pelabuhan serta Pusat Pelancongan yang masyhur dalam menjana aspek ekonomi dengan persekitaran fizikal yang lengkap dan berkualiti tinggi."

MATLAMAT

"Ke Arah pembangunan pelabuhan, perikanan dan pelancongan yang kukuh dengan meningkatkan asas ekonomi dan persekitaran alam sekitar yang mampan."

